

Bil. S 83

AKTA PERNIAGAAN MENUKAR WANG DAN KIRIMAN WANG
(PENGAL 174)

PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN MENUKAR WANG DAN KIRIMAN WANG
(BAYARAN LESEN) (PINDAAN), 2008

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan tarikh dianggap mula berkuatkuasa.
 2. Pindaan peraturan 2.
-

**AKTA PERNIAGAAN MENUKAR WANG DAN KIRIMAN WANG
(PENGAL 174)**

**PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN MENUKAR WANG DAN KIRIMAN WANG
(BAYARAN LESEN) (PINDAAN), 2008**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 18 dari Akta Perniagaan Menukar Wang dan Kiriman Wang, maka Menteri Kewangan sebagai Pihak Berkuasa dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan tarikh dianggap mula berkuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Perniagaan Menukar Wang dan Kiriman Wang (Bayaran Lesen) (Pindaan), 2008 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Januari, 2004.

Pindaan peraturan 2.

2. Peraturan 2 dari Peraturan-Peraturan Perniagaan Menukar Wang dan Kiriman Wang (Bayaran Lesen) adalah dipinda —

(a) dalam perenggan (a), dengan memotong "\$1,000.00" dan menggantikannya dengan "\$2,000";

(b) dalam perenggan (b), dengan memotong "\$500.00" dan menggantikannya dengan "\$3,000".

Diperbuat pada hari ini 24 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 26 haribulan Ogos, 2008.

**PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM
Pihak Berkuasa.**